



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	7/1/2020
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Paras air tiga empangan di Kedah menyusut

Pesawah perlu beri kerjasama optimum guna air di sawah

Oleh Noorzura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menggesa pesawah bekerjasama mengoptimalkan penggunaan air di kawasan pertanian masing-masing, selepas paras takungan air

di beberapa empangan utama negeri ditekod menyusut semalam.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata penyusutan paras takungan itu berlaku di tiga empangan utama iaitu Empangan Muda, Pedu dan Ahning, yang masing-masing dianggap nadi kepada sumber pengairan pertanian utama negeri.

Berdasarkan rekod, katanya takungan di Empangan Muda menyusut kepada 26.72 peratus semalam, manakala Empangan Pedu menurun kepada 50.18 peratus dan Empangan Ahning kepada 64.47 peratus.

Beliau berkata, pelepasan harian air sebanyak 113.2 meter padu sesaat dari Empangan Pedu sedang dilakukan untuk tujuan pengairan tanaman padi serta kegunaan bekalan air mentah domestik.

"Apabila paras takungan air Empangan Pedu turun melepasi paras 27 peratus, keutamaan pelepasan air akan diberikan kepada kegunaan domestik.

"Buat masa sekarang kita sedang berusaha membekalkan air untuk tanaman padi, selepas cuaca panas mula melanda Kedah sejak penghujung November la-

lu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Fouzi berkata, pihaknya berharap pesawah dapat memastikan tidak berlaku pembaziran air ketika keadaan empangan negeri mencatat penyusutan.

"MADA akan berusaha memastikan paras air di sungai dan tali air berada pada tahap yang sesuai untuk pengairan.

"Kita juga sudah mengarahkan semua pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) membuat pemantauan bekalan air di sawah dan memaklumkan sebarang masalah jika ada," katanya.



Kita sedang berusaha

membekalkan air untuk tanaman padi, selepas cuaca panas mula melanda Kedah sejak penghujung November lalu.

Fouzi Ali,
Pengurus Besar MADA